



**Untuk Siaran Segera
29 September 2025**

ASM 3 ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN SEBANYAK 4.75 SEN SEUNIT

Jumlah Pengagihan pendapatan sebanyak RM896.01 juta memanfaatkan lebih daripada 700,000 pemegang unit

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2025.
- ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM896.01 juta yang memanfaatkan 717,446 pemegang unit yang kini memiliki 19.16 bilion unit.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 4.75 sen seunit mencerminkan keupayaan dana untuk mengekalkan tahap dividen yang sama dengan tahun kewangan sebelumnya, sekali gus mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap prestasi dan kestabilannya.
- Dana ini juga telah mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.40% sebanyak 235 mata asas bagi tahun kewangan sehingga 24 September 2025.

Kuala Lumpur, 29 September 2025: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2025.

ASM 3 mengisytiharkan pengagihan pendapatan berjumlah RM896.01 juta, memanfaatkan 717,446 pemegang unit yang kini memiliki 19.16 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.75 sen seunit mencerminkan keupayaan dana untuk mengekalkan tahap dividen yang sama dengan tahun kewangan sebelumnya, sekali gus mengukuhkan keyakinan pelabur terhadap prestasi dan kestabilannya. Dana ini juga telah mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada paras 2.40% sebanyak 235 mata asas bagi tahun kewangan sehingga 24 September 2025. Pencapaian kukuh ini amat ketara di sebalik keadaan pasaran domestik yang mencabar, dengan FBMKLCI masih mencatatkan prestasi negatif setakat tahun ini. Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan pasaran, ASM 3 kekal

berdaya tahan dan terus memberikan pulangan yang konsisten, mengukuhkan kedudukannya dalam situasi yang tidak menentu

Pendapatan ASM 3 diperoleh daripada keuntungan direalisasikan, pendapatan dividen dan sumber pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. ASM 3 telah memberikan pulangan yang sangat baik kepada para pemegang unit bagi tahun kewangan ini, mencerminkan kekuatan pendekatan pelaburan berdisiplin dan strategi jangka panjang PNB. Prestasi dana ini disokong oleh mempelbagaian aset yang berterusan, dengan peningkatan pendedahan kepada instrumen pendapatan tetap yang menawarkan kestabilan dan pulangan konsisten. Peruntukan strategik ke pasaran global turut memperkukuh pertumbuhan portfolio, dengan memanfaatkan peluang di luar sempadan domestik.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Dana

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 3 adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 3 akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2025.

Urus niaga ASM 3 di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua saluran dalam talian dan perbankan internet, telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 28 hingga 30 September 2025. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 1 Oktober 2025.

Memperkasa Generasi Baharu untuk Menguasai Masa Depan Kewangan Mereka

Sebagai sebahagian daripada visi jangka panjang ASNB untuk Kita Generasi Labur - bagi melahirkan generasi yang berdisiplin dari segi kewangan dan bersedia menghadapi masa depan, kempen *Pandu Impianmu, Generasi Labur* yang sedang

berlangsung, menggalakkan pemegang unit untuk melabur bagi merebut peluang memenangi kereta impian mereka. Dengan pelaburan minimum sebanyak RM500 dalam mana-mana dana ASNB, pemegang unit berpeluang memenangi hadiah menarik termasuk kereta BMW i4 Gran Coupe (EV), BYD Atto 2 (EV), Ford Ranger XLT Plus, dan banyak lagi. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.asnb.com.my/panduimpianmu.php> atau ikuti saluran media sosial rasmi ASNB.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

ASM 3 ialah dana harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia adalah dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang mempunyai jangka masa pelaburan sederhana hingga panjang, memahami hubungan kait antara risiko dan pulangan, serta mengharapkan pendapatan tetap (jika ada) untuk pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2025
Dana Harga Tetap



ASM 3



Jumlah Pengagihan


4.75
sen seunit

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2025 Dana Harga Tetap

Prestasi Terbaik dalam Tempoh 3 Tahun,
Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap



Kadar Purata Deposit
Tetap 12-Bulan Maybank

Nota: * Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 24 September 2025

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.